



## TEKS UCAPAN

**MAJLIS AMANAT YANG BERHORMAT MENTERI  
KESIHATAN  
YB DATO' SRI DR. ADHAM BIN BABA  
7 JULAI 2020 (SELASA), MASA: 9.00 PAGI  
DEWAN SERBAGUNA, ARAS 8, BLOK E7, KKM**

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Terima Kasih Yang Berusaha saudara Pengacara Majlis, **Encik Arzammullah Abd Rahim** dan saudari Pengacara Majlis **Puan Siti Fatimah Yahya.**

**YBhg. Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min**  
Ketua Setiausaha

**YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham bin Abdullah**  
Ketua Pengarah Kesihatan

**YBhg. Dato' Mohd Shafiq Bin Abdullah**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

**YBrs. Dr. Uzailee bin Abdul Latif**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)

**YBhg. Dato' Dr. Chong Chee Kheong,**  
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

**YBrs. Dr.Hishamshah bin Mohd Ibrahim,**  
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan  
Teknikal (P&ST)

Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian,

Tuan-tuan & Puan-puan yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam  
Sejahtera.

## UCAPAN ALUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T., kerana dengan limpah keizinanNYA dapat kita berhimpun pada pagi ini untuk Majlis Amanat Tahun 2020 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
2. Terlebih dahulu, saya merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada semua yang hadir untuk menjayakan majlis kita pada pagi ini.
3. Sebelum saya memulakan ucapan, izinkan saya dengan sukacitanya memperkenalkan Timbalan-timbalan Menteri Kesihatan yang telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada 10 Mac 2020 yang lalu, iaitu:
  - (i) **YB Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali**, selaku **Timbalan Menteri I**; dan
  - (ii) **YB Datuk Aaron Ago Dagang**, selaku **Timbalan Menteri II**

Tuan-tuan dan Puan-puan,

4. Seperti yang tuan/ puan sedia maklum, dunia telah dikejutkan dengan **penularan wabak Covid-19 yang dikesan di Wuhan, China pada bulan Disember 2019.** Wabak ini seterusnya merebak ke sebilangan besar negara di seluruh dunia pada awal tahun 2020 termasuk **Malaysia yang mengesan kes pertama Covid-19 pada bulan Januari.**
5. Saya memulakan tugas saya sebagai Menteri Kesihatan dengan menjadikan **agenda menangani wabak Covid-19 ini sebagai keutamaan** memandangkan pertambahan bilangan kes Covid-19 pada awal Mac memerlukan satu usaha proaktif, drastik dan berkesan daripada Kerajaan.
6. Ucapan tahniah kepada YBhg. Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min, Ketua Setiausaha KKM dan pegawai-pegawai pengurusan yang sentiasa memastikan semua urusan pengurusan dan perolehan keperluan dalam menangani wabak ini disediakan dan dimudahcara sebaik-baiknya.

7. Di kesempatan ini juga saya ingin **mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham bin Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan bersama ‘panglima-panglima’ beliau yang sangat komited menangani wabak Covid-19 di Malaysia.**
8. Seterusnya *Frontliners* Kementerian Kesihatan, doktor dan pasukan paramedik yang melangkah dengan gagah untuk menyelamatkan nyawa rakyat walaupun risiko jangkitan wabak pada ketika itu adalah tinggi, anda tidak mengeluh tetapi terus berkhidmat tanpa mengira erti lelah demi kesejahteraan negara sehingga telah berjaya mengawal penularan jangkitan Covid-19 dalam negara, **terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan.**
9. Tidak dilupakan juga jasa dan kerjasama semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membendung penularan wabak ini. Saya sungguh terharu dengan komitmen yang telah diberikan oleh semua warga kerja KKM dan lain-lain kementerian dan agensi.

Hadirin sekalian,

10. Suka saya nyatakan dalam kita berdepan dengan perubahan pentadbiran Negara pada hari ini, perkhidmatan awam perlu menjadi jentera perkhidmatan yang dinamik merentasi sempadan serta melangkaui ekspektasi pemikiran biasa di mana peranan dan fungsi yang dilaksanakan oleh perkhidmatan awam perlu seiring dengan perubahan di peringkat domestik dan juga global.
11. KKM merupakan sebuah institusi yang digerakkan secara intensif dan bersepadu menerusi perkhidmatan kesihatan eksklusif yang cakna kepada rakyat dengan memberi jaminan terhadap kemudahan kesihatan yang saksama dan berkualiti kepada semua.
12. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab saya sebagai menteri yang memegang *portfolio* ini untuk memastikan KKM sentiasa selari dengan hala tuju dan misinya untuk meneruskan pencapaian yang lebih cemerlang pada tahun 2020 dan tahun-tahun yang akan datang.

13. Untuk makluman semua, dalam usaha untuk meningkatkan akses dan kualiti perkhidmatan kesihatan tanpa mengira latar belakang, bangsa dan agama, **perkhidmatan kesihatan yang diberikan oleh KKM perlu bersifat tuntas.**

### **NEW DEALS KKM**

Tuan-tuan dan Puan-puan,

14. Berikutan dan selaras dengan seruan YAB Perdana Menteri untuk mengutamakan konsep **tanggungjawab bersama** (*collective responsibility*) dalam menjalankan fungsi-fungsi Kerajaan, saya dengan nasihat dan pandangan serta cadangan daripada pegawai-pegawai tertinggi **Kementerian sedang dalam proses merangka dan meneliti perkara-perkara berkaitan core business dan pengurusan KKM melalui satu dokumen ataupun pelan yang diistilahkan sebagai “New Deals KKM”** ataupun yang dipanggil sebagai **Tawaran Baharu KKM** untuk diguna pakai sebagai hala tuju Kementerian.

15. New Deals KKM ini telah dirangka untuk tempoh jangka masa pendek, sederhana dan panjang dengan inisiatif-inisiatif yang mempunyai teras yang sama dengan objektif dan hala tuju Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030.

16. New Deals tersebut adalah:

16.1 Agenda Nasional Malaysia Sihat Bagi Memperkuuhkan Promosi Kesihatan dan Amalan Gaya Hidup Sihat

- Kementerian dengan bantuan Bahagian Pendidikan Kesihatan (HECC) sedang merangka satu (1) agenda iaitu Agenda Nasional Malaysia Sihat untuk melonjakkan taraf kesihatan rakyat Malaysia terutama bagi mengurangkan NCD merangkumi obesiti, merokok, dadah, kesihatan mental.
- Agenda Nasional Malaysia Sihat merupakan satu agenda yang telah dibuat penambahbaikan pada Rangka kerja Malaysia Sihat dengan memasukkan aspek Sustainable Development Goals (SDG)

mengambil kira **Matlamat 3 (Good Health and Wellbeing)** dan **Matlamat 11 (Sustainable Cities and Communities)**.

- Agenda ini akan memberi tumpuan dan penekanan kepada beberapa faktor seperti berikut:
  - (i) inisiatif **Amalan Cara Hidup Sihat**;
  - (ii) inisiatif **Kesihatan Persekutaran**;
  - (iii) inisiatif **Liputan Kesihatan Sejagat (UHC)**;  
dan
  - (iv) inisiatif **Penjagaan Kesihatan Kendiri**.

## **16.2 Pendigitalan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan**

- Seperti mana Tuan Puan sedia maklum bahawa dunia kini berada di pertengahan transformasi teknologi yang akan mengubah cara hidup kita termasuk cara bekerja. Hal ini telah menjadi

***inevitable transformation*** yang perlu kita lalui dalam semua sektor pekerjaan supaya negara kita tidak ketinggalan dalam arus **IR 4.0**. Transformasi baharu melalui IR 4.0 juga merupakan satu norma baharu yang **selaras dengan SDG, terutama bagi matlamat No.9 dan No.12.**

- Bahagian Perancangan dan Bahagian Pengurusan Maklumat sedang merancang, menyediakan dan melaksanakan inisiatif pendigitalan yang boleh **mengurangkan masa menunggu pesakit**, serta **meningkatkan kualiti dan kecekapan penyampaian perkhidmatan kesihatan**. Antara aktiviti yang sedang diselaraskan adalah:
  - (i) Projek perintis *Electronic Lifetime Health Record* (eLHR) di fasiliti KKM;
  - (ii) Pelaksanaan Perkhidmatan Klinik Maya (*Virtual Clinic*) di Klinik Kesihatan dan Pergigian KKM;

- (iii) Pelaksanaan Sistem Temujanji Atas Talian (*Online Appointment System*) di Klinik Kesihatan, Klinik Pergigian dan Klinik Pakar KKM;
  
- (iv) Pelaksanaan Sistem Pendaftaran dan Pembayaran Elektronik (*e-payment*) di fasiliti KKM; dan
  
- (v) Pelaksanaan Aplikasi Mobile bagi Pengesanan Awal Lesi Kanser Mulut.

### **16.3 Penyumberluaran Perkhidmatan Kesihatan**

- Kementerian akan memastikan sistem penyampaian kesihatan lebih kukuh dan akan melaksanakan **outsourcing service** bagi perkhidmatan rawatan kesihatan seperti:
  - (i) Pembedahan Coronary Artery Bypass Graft (**CABG**) ke Konsortium Hospital Universiti

Awam Malaysia (KHUAM) dan *Cardiac Vascular Sentral Kuala Lumpur (CVSKL)*;

- (ii) Perkhidmatan seperti *echocardiography, electroencephalogram, sleep study, dialysis, MRI* dan **Paediatric Kardiotorasik**;
- (iii) Pembedahan elektif ginekologi dan perkhidmatan *In Vitro Fertilisation (IVF)*;
- (iv) **Modaliti CT Scan dan MRI** bagi pesakit yang memerlukan pengimejan khas;
- (v) Pembedahan pembentukan *Arterio-Venous Fistula (AVF)* kepada hospital universiti/swasta; dan
- (vi) **Rawatan radioterapi** yang telah dikenalpasti bagi perawatan kanser

## 16.4 Uberisasi Perkhidmatan Kesihatan

- Bagi memantapkan lagi sistem penyampaian kesihatan, KKM juga akan melaksanakan ***uberization*** yang akan merangkumi:
  - (i) Perkhidmatan **ujian makmal** seperti ujian darah;
  - (ii) Perkhidmatan **pesakit luar bukan kecemasan**;
  - (iii) Perkhidmatan **penjagaan luka yang khusus**; dan
  - (iv) **Peritoneal dialysis** untuk pesakit buah pinggang.
- Inisiatif ini akan dilaksanakan di mana **pengamal perubatan akan datang ke rumah** untuk memberi perkhidmatan.

- Caj bayaran bergantung kepada jenis perkhidmatan yang diberikan dan jarak dari pejabat pengamal perubatan ke rumah pesakit.
- Satu platform (seperti konsep uber) diwujudkan bagi memudahkan pesakit menempah perkhidmatan ini secara atas talian dan diuruskan oleh pihak swasta yang dipilih oleh KKM dengan cara tender terbuka.

## **16.5 Pengukuhan Kesiapsiagaan Terhadap Wabak, Bencana Alam Sekitar dan Kecemasan Perubatan**

- Sebagai usaha Kementerian untuk memastikan sistem kesiapsiagaan menghadapi epidemik dan bencana sentiasa dalam tahap yang kukuh, KKM akan **memantapkan lagi stok PPE dan consumables** serta **memberikan latihan untuk frontliners** dari semasa ke semasa.
- Pada ketika ini, KKM sedang menyelaraskan dan memfokuskan beberapa aktiviti bagi meningkatkan mutu kesiapsiagaan Kementerian seperti berikut:

- (i) Pembangunan **sistem pangkalan data bersepadu** wabak untuk surveilan pencemaran radiasi dan bencana alam sekitar;
- (ii) Membangunkan **stok simpanan PPE, pakai buang dan peralatan perubatan;**
- (iii) **Pemantauan menggunakan sistem secara berpusat** di peringkat ibu pejabat dan negeri;
- (iv) **Latihan** kepada petugas hadapan dan masyarakat umum;
- (v) **Perolehan peralatan pengujian radiasi;** dan
- (vi) **Penyelidikan**

## **16.6 Perluasan Skim Peduli Kesihatan Untuk Kumpulan B40 (Peka B40)**

- Inisiatif yang memberikan manfaat kepada golongan B40 perlu **diteruskan** dan **ditambahbaik** pelaksanaannya supaya akses kepada perkhidmatan kesihatan dapat diperolehi oleh semua golongan secara menyeluruh.
- Beberapa **cadangan penambahbaikan** sedang dibincangkan dan antaranya ialah:
  - (i) **penambahan manfaat penyediaan rawatan penyakit tidak berjangkit ringan di klinik perubatan swasta;**
  - (ii) **projek perintis manfaat pembangunan program penerapan cara hidup sihat termasuk penekanan norma baru kehidupan pasca COVID-19, program penurunan berat badan, pemakanan sihat, aktiviti fizikal, kesihatan mental dan berhenti merokok; dan**

(iii) **penurunan had umur** untuk penerima **Skim PeKa B40** dari 40 tahun ke atas kepada 30 tahun ke atas.

## **16.7 Program Menangani Masalah Kekurangan Zat Makanan di kalangan Penduduk Rentan**

- Beberapa aktiviti sedang dilaksanakan bagi meningkatkan jaminan kebolehcapaian makanan berkhasiat kepada kanak-kanak di bawah umur lima (5) tahun, wanita hamil, dan warga emas daripada keluarga miskin tegar, miskin serta daripada golongan B40.
- Antara aktiviti yang sedang dilaksanakan adalah:
  - (i) Cadangan bantuan **susu tepung penuh krim (STPK)** untuk kanak-kanak bawah 5 tahun di kalangan keluarga miskin tegar/ miskin/ B40;
  - (ii) Inisiatif **Bantuan Makanan Wanita Hamil B40 Bandar (UANIB40)**;

(iii) Program *Community Feeding Bandar* (**PCF Bandar**);

(iv) Peluasan Program *Community Feeding* (**PCF**) bagi **kanak-kanak Orang Asli**; dan

(v) Program *Meals on Wheels* (**MOW**) untuk **warga emas**.

## **16.8 Pengukuhan Sistem Pembiayaan Kesihatan**

- Kementerian akan meningkatkan sumber kewangan melalui sumber lain seperti **mySalam**, **wakaf** atau **tabung-tabung lain**. Dicadangkan juga **Voluntary Health Insurance (VHI)**.
- **Pengambilalihan SPIKPA oleh PHM secara berperingkat**, di mana *surplus revenue* yang diperolehi akan digunakan untuk membiayai inisiatif-inisiatif pembiayaan kesihatan yang lain.

- Pembangunan kapasiti PHM dalam **perancangan insurans kesihatan untuk negara.**

## **16.9 Pembangunan Kerangka Perundangan Keselamatan Makanan Bagi Perniagaan Makanan Home-Based**

- Kementerian juga sedang menyediakan platform bagi **pendaftaran semua pengusaha makanan home-base** di Malaysia untuk tujuan mewujudkan pangkalan data pengusaha makanan *home-based*.
- Kementerian akan menyelaraskan **pindaan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009** dan **Garis Panduan Pensijilan Pengusaha Makanan Home-Based.**
- **Projek rintis** pematuhan amalan kebersihan makanan kepada pengusaha makanan *home-based* dan verifikasi lapangan ke setiap pemohonan pensijilan makanan *home-based* juga akan dilaksanakan.

- **Pengiktirafan** kepada penguasa makanan home-based melalui penganugerahan sijil dan kebenaran penggunaan logo *home-based* pada produk dengan mempromosikan pensijilan makanan *home-based* akan diselaraskan dalam masa terdekat.

## **16.10 Pelaksanaan Mekanisme Kawalan dan Ketelusan**

### **Harga Ubat**

- Dimaklumkan bahawa Kementerian mengambil serius akan perkara yang melibatkan kawalan dan ketelusan harga ubat **supaya harga ubat dikawal dan mampu dicapai oleh semua lapisan masyarakat.**
- Sehubungan dengan itu, beberapa langkah proaktif yang telah diambil untuk memantapkan pelaksanaan mekanisme ini ialah:
  - (i) **Kerjasama KKM dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP);**

- (ii) **Mekanisme Harga Ubat** dilakukan melalui Perintah di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723) yang di kawal selia oleh KPDNHEP;
- (iii) **Penetapan harga borong maksimum dan harga pengguna maksimum bagi ubat-ubatan yang dikawal:**
- (iv) **Penguatkuasaan** terhadap harga kawalan ubat-ubatan yang telah diwartakan oleh Pengawal Harga, KPDNHEP; dan
- (v) **Kongsikan maklumat harga ubat kepada pengguna** untuk ketelusan harga dan kesaksamaan akses ubat-ubatan.

## **DASAR KESIHATAN NEGARA**

**Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,**

17. Bagi mengorak langkah ke arah negara yang lebih maju dalam sektor kesihatan, adalah menjadi kewajipan KKM untuk membangunkan satu dasar jangka panjang yang **komprehensif dan menyeluruh** dengan menggariskan strategi mengikut keperluan semasa dan masa depan.
18. Sehubungan dengan itu, **Dasar Kesihatan Negara** sedang dibangunkan oleh Bahagian Perancangan dan dokumen ini akan menjadi **dokumen rujukan yang lengkap untuk masa hadapan negara bagi sektor kesihatan** dan memastikan kesejahteraan rakyat Malaysia terpelihara.

## **LANGKAH JANA SEMULA EKONOMI NEGARA**

**Hadirin sekalian,**

19. KKM sedang bertungkus-lumus dalam memainkan peranan yang penting untuk **membantu menjana kembali ekonomi demi kepentingan rakyat dan negara**. Sebagaimana yang telah diumumkan dalam ucapan YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Perdana Menteri Malaysia pada 5 Jun 2020 berhubung Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), kita kini berada dalam fasa Pemulihan.

20. Di dalam fasa inilah kita berpeluang untuk merancakkan semula ekonomi negara secara berperingkat melalui kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan lain seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (**MITI**), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (**MIDA**) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (**MATRADE**).
21. KKM akan terus merangka langkah-langkah strategik bagi menggalakkan pembangunan sektor perubatan swasta terutama dari segi peningkatan produktiviti dan juga perkembangan aktiviti pelancongan kesihatan melalui **Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC)**.
22. Malaysia telah mendapat pengiktirafan yang tinggi bagi sektor pelancongan kesihatan di mana Malaysia telah disenaraikan sebagai negara terbaik dalam kategori **Best Healthcare in the World** dalam *International Living Annual Global Retirement Index* bagi tahun 2019, sekaligus menjadikan Malaysia sebagai salah satu destinasi utama pelancongan kesihatan di dunia.

23. Dengan kelebihan pelbagai destinasi tarikan pelancong yang ada, kita perlu mengambil peluang untuk menjadikan Malaysia sebagai hub pelancongan kesihatan di rantau ini. Saya yakin bahawa KKM berupaya memberi sumbangan yang tinggi kepada ekonomi negara terutama bagi **sektor pelancongan kesihatan.**
24. Selain itu, bagi menyokong perkembangan industri kesihatan negara, kita mesti bersifat terbuka dan mampu berdaya saing. KKM komited untuk membantu industri kesihatan ini, bukan sahaja dari segi perkhidmatan kesihatan, malah bagi **sektor ubat-ubatan dan peranti perubatan** juga.
25. Antara produk tempatan bagi sektor ubat-ubatan dan peranti perubatan yang **berkembang maju** adalah :

**Medical device/peranti perubatan:**

- i. Straits Orthopaedics Sdn Bhd
- ii. Ideal Healthcare Sdn Bhd
- iii. Vigilenz Medical Devices Sdn Bhd
- iv. Top Glove Sdn Bhd
- v. Grabulab (M) Sdn Bhd

## **Pharmaceutical/Farmaseutikel :**

- i. **Pharmaniaga Berhad**
  - ii. **Duopharma Biotech berhad**
  - iii. **Kotra Pharma (M) Sdn Bhd**
  - iv. **Hovid Berhad**
  - v. **Ain Medicare Sdn Bhd**
- 26.** Melalui teknologi digital dan automasi, pihak kementerian berharap akan dapat menggalakkan **lebih banyak akses atas talian melalui aplikasi one stop centre** yang dilihat sebagai **lebih mesra industri.**
- 27.** Proses-proses berkaitan **pelesenan dan pendaftaran produk juga dipermudahkan** dengan mempercepatkan proses serta melonggarkan keperluan dokumen-dokumen sokongan.
- 28.** Dengan kemudahan serta kelonggaran yang diberikan, **KKM mengharapkan industri kesihatan negara akan mampu berkembang maju** serta menyumbang ke arah kemakmuran negara.

## **PENCAPAIAN SEPANJANG MENJALANKAN TUGAS SEBAGAI MENTERI KESIHATAN**

Hadirin yang saya hormati sekalian,

### **a) Lawatan Kerja**

29. Dalam keadaan negara berdepan dengan penularan wabak Covid-19 sejak beberapa bulan yang lepas, KKM telah memainkan peranan yang amat penting dalam membendung penularan wabak ini melalui **kerjasama erat dengan pelbagai pihak berkepentingan di pelbagai peringkat**, bukan sahaja terhad di peringkat Persekutuan ataupun di peringkat Negeri tetapi juga di peringkat Antarabangsa seperti forum bersama WHO, *World Health Assembly* (WHA), ASEAN Plus Three (APT) dan sebagainya.
  
30. **Saya bersama Timbalan-timbalan saya** telah melaksanakan pendekatan '**Turun Padang**' dalam bentuk lawatan kerja ke Pejabat Kerajaan Negeri dan fasiliti-fasiliti kesihatan di negeri-negeri di seluruh Malaysia.

31. Lawatan kerja ini bertujuan memantau perkembangan status terkini wabak Covid-19, persediaan kelengkapan dan rawatan yang tersedia di peringkat Negeri, mewujudkan kerjasama strategik dengan Kerajaan Negeri dalam penyesuaian norma baharu pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan menyantuni para frontliners di fasiliti-fasiliti kesihatan.
32. Kami juga memberikan penekanan terhadap pelaksanaan CAPP iaitu Cegah, Amal, Patuh dan Pantau kepada masyarakat dalam usaha memperkasakan Program Pengurangan Risiko Daerah (DRRP) Covid-19 untuk mengekang penularan dalam komuniti.
33. Antara lawatan kerja tersebut adalah:
  - Pertemuan bersama YAB Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan;
  - Pertemuan bersama YAB Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, Menteri Besar Pahang;
  - Pertemuan bersama YAB Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu, Menteri Besar Perak;
  - Lawatan Kerja ke Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat, Johor;

- Lawatan Kerja ke Institut Kesihatan Negara (NIH) Setia Alam;
- Lawatan Kerja ke Hospital Kota Tinggi, Johor;
- Lawatan Kerja ke Hospital Kajang;
- Lawatan Kerja ke Hospital Sultanah Aminah, Johor;
- Lawatan Kerja ke Hospital Kuala Lumpur;
- Lawatan Kerja ke Hospital Sungai Buloh;
- Lawatan Kerja ke Hospital Umum Sarawak;
- Lawatan Kerja ke Hospital Kluang, Johor;
- Lawatan Kerja ke Hospital Sultan Ismail, Johor; dan
- Lawatan Kerja ke Hospital Pontian, Johor

(untuk diletakkan dalam slide)

34. Ucapan terima kasih dan sekalung penghargaan daripada saya kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan lawatan kerja tersebut. Namun, dalam keadaan negara yang telah memasuki fasa pemulihan dari wabak Covid-19, penekanan atau fokus lawatan kerja di masa hadapan mungkin berbeza.

35. Saya mengharapkan **lawatan kerja** dapat dilaksanakan ke semua 147 buah Hospital, Klinik Kesihatan, Klinik

**Pergigian, Institut-Institut Latihan, Institusi serta Agensi di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia** untuk mengetahui dengan lebih dekat isu-isu kesihatan di peringkat akar umbi agar ia dapat diselesaikan dengan kadar segera.

**b) USAHA-USAHA LAIN YANG DIPERANGI SELAIN DARI COVID-19**

36. Selain daripada fokus semasa memerangi wabak COVID-19, KKM terus menjalankan usaha menangani **penularan wabak denggi** yang menunjukkan peningkatan di negara kita.
37. Berdasarkan data terkini, kes demam denggi terus menunjukkan **tren peningkatan sejak pertengahan April dengan jumlah kumulatif sehingga kini dengan 48,584 kes dilaporkan dan 88 kes kematian.**
38. Walaupun jumlah kes menunjukkan penurunan sebanyak 10.9% berbanding tahun 2019, **jumlah kematian adalah meningkat berbanding tempoh yang sama pada tahun 2019.**
39. Situasi ini menimbulkan kerisauan kepada rakyat memandangkan wabak denggi juga boleh membawa kepada

ancaman kematian. KKM sentiasa menasihati rakyat untuk **memastikan kawasan persekitaran sentiasa bersih** bagi mengelakkan daripada menjadi kawasan pembiakan nyamuk Aedes.

40. KKM juga menjalankan **kerjasama berterusan dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)** bagi memastikan kawalan dan pencegahan denggi sentiasa dijalankan di setiap kawasan. Di samping itu, rakyat juga disaran untuk menjalankan **kawalan kendiri di rumah dan kawasan kejiranannya** bagi mengelakkan daripada jangkitan demam denggi.
41. Selain daripada itu, KKM amat komited dalam usaha-usaha bagi **menangani penyakit tidak berjangkit atau non-communicable diseases (NCDs)** seperti diabetis, hipertensi, kolesterol tinggi dan lain-lain dengan mempergiatkan **aktiviti pencegahan penyakit** sebagai teras utama kepada usaha ini.
42. Tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum bahawa pesakit yang mempunyai penyakit NCDs merupakan kumpulan yang amat berisiko mendapat jangkitan Covid-19.

43. Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2019 (*National Health and Morbidity Survey 2019*) mendapati **satu (1) dalam lima (5) rakyat Malaysia mempunyai diabetis**, bersamaan 3.9 juta rakyat yang berumur 18 tahun dan ke atas.
44. Sehubungan dengan itu, saya akan terus komited untuk memastikan kita berjaya mengurangkan kadar jumlah pesakit NCDs di Malaysia melalui pelbagai usaha yang dilaksanakan dan **menggalakkan lagi rakyat terutama golongan B40 untuk melakukan saringan kesihatan melalui inisiatif PeKa B40.**
45. Berdasarkan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2019 juga, prevalen masyarakat Malaysia yang berumur **16 tahun ke atas yang mengalami kemurungan adalah 2.3%**. Kita juga dikejutkan dengan peningkatan kes seperti **kemurungan** yang dihadapi oleh rakyat semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
46. **Akhbar Malay Mail bertarikh 28 April 2020** memetik kenyataan Dr Aida Syarinaz Ahmad Adlan, Pakar Perunding Psikiatri (Universiti Malaya) yang memberi amaran bahawa

**penyakit jiwa yang “senyap”** ini cenderung menimpa kita akibat **kegelisahan** dan **kemurungan** yang disebabkan oleh kejatuhan ekonomi dari **wabak** dan **pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)**.

47. PKP menghalang kita daripada bergerak secara bebas dan menjalankan tugas seperti biasa. Terdapat golongan yang **menghadapi masalah kewangan** berikutan pendapatan yang terjejas dan ada pula golongan yang tertekan apabila **duduk di rumah terlalu lama**.
48. *Frontliners* turut menghadapi tekanan akibat **tugasan berisiko** sehingga menyebabkan mereka **terpaksa berjauhan** atau **menjauhi** pasangan, anak-anak dan keluarga. Mereka khuatir seandainya mereka dijangkiti wabak Covid-19, seterusnya akan menjangkiti ahli keluarga mereka.
49. Oleh itu, **KKM telah menyediakan saluran khas bagi membantu rakyat yang menghadapi masalah ini** iaitu dengan mewujudkan talian sokongan psikososial kepada masyarakat dengan kerjasama NGO seperti Mercy Malaysia.

50. Antara intervensi yang dilakukan adalah seperti bantuan awal psikologi, kaunseling, terapi relaksasi dan *psychoeducation*.  
**Pasukan petugas kesihatan mental dan psikososial juga diwujudkan di peringkat negeri dan daerah bagi memberi khidmat kepada petugas kesihatan dan masyarakat.**
  
51. Penyakit berkaitan kesihatan mental ini juga perlu diberikan perhatian sewajarnya termasuklah kita sebagai warga KKM. Sekiranya tuan-tuan dan puan-puan berasa tertekan, mintalah bantuan daripada pegawai yang berkenaan seperti pegawai kaunseling atau psikologi.

## **SARANAN YB MENTERI KESIHATAN KEPADA WARGA KKM**

**Hadirin sekalian,**

52. Sebagai sebuah Kementerian yang menerajui perkhidmatan kesihatan di Malaysia, kita perlu mempunyai **misi yang jelas**

ataupun **VIVID VISION**, sebagai contoh untuk merealisasikan agenda Malaysia Sihat.

53. Seperti tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, warga kerja KKM terdiri daripada pelbagai skim perkhidmatan yang mempunyai peranan yang berbeza dan tersendiri daripada peringkat atasan hingga bawahan.
54. Setiap daripada tuan-tuan dan puan-puan di hadapan saya ini mempunyai tanggungjawab yang besar sebagai warga KKM dan adalah insan-insan yang terpilih untuk berkhidmat di KKM. Daripada pegawai perubatan sehingga pemandu ambulans, "**we are the BEST PEOPLE for the job**".
55. Atas sebab ini, saya amat berharap warga kerja KKM dapat meneruskan prestasi kerja yang cemerlang dengan menjadi pekerja yang komited dengan tugas masing-masing. Setiap seorang daripada kita perlu menerapkan budaya kerja berprestasi tinggi ataupun **HIGH PERFORMANCE CULTURE**.
56. Kita bukan sahaja bekerja dari pagi hingga petang semata-mata kerana tuntutan tugas, tetapi juga untuk memastikan

rakyat di luar sana dapat menikmati perkhidmatan kesihatan yang terbaik dan menyeluruh.

57. Saya amat berbangga dengan warga KKM yang sentiasa mengutamakan tugas terutamanya ketika kita bergelut dalam melawan pandemik Covid-19.
58. Saya dapati KKM adalah kementerian yang besar dengan pelbagai perjawatan dan bahagian dan komunikasi merupakan perkara penting dalam penyampaian perkhidmatan. Oleh sebab itu, saya juga menyeru agar warga kerja KKM dapat mengamalkan komunikasi yang baik dan berkesan di antara satu dan sama lain dengan menggunakan saluran yang tepat dan cara penyampaian yang bersesuaian.
59. Suka saya sarankan bahawa ROBUST COMMUNICATION antara cara terbaik berkomunikasi semasa bekerja bagi mengelakkan *miscommunication* di antara kita. Kita semua sedia maklum bahawa kebanyakan daripada kita terutamanya yang bertugas di hospital dan klinik mempunyai skop kerja yang bersifat mendesak atau *desperate*.

60. Selain daripada itu, bagi memastikan anggota KKM sentiasa komited dan bersedia menjalankan tugas, kita mestilah sentiasa mempunyai **SENSE OF URGENCY** dalam setiap gerak kerja kita. Sikap seperti melengah-lengahkan kerja haruslah dikikis daripada setiap warga KKM.
61. Dalam bahasa mudah, berkahwinlah dengan kerja tuan-tuan dan puan-puan supaya tuan-tuan dan puan-puan akan terus **komited, berdisiplin dan beramanah**.
62. Rakyat adalah pelanggan utama kita. Saya juga sedar bahawa terdapat pelbagai rungutan daripada rakyat mengenai perkhidmatan kesihatan di KKM. Saya percaya perkhidmatan yang kita sediakan adalah pada tahap terbaik, namun sentiasa ada ruang dan peluang untuk penambahbaikan dari setiap aspek.
63. Suara-suara rungutan ini haruslah diterima secara positif kerana kita sentiasa perlu **mendengar keluhan pelanggan** ataupun **LISTEN TO YOUR CUSTOMER**.
64. Saya menggesa agar tuan-tuan dan puan-puan sentiasalah berkhidmat berdasarkan apa yang kita paparkan di **piagam**

**pelanggan.** Banyakkan bersabar melayan kerena pelanggan dan sentiasa mengutamakan pelanggan dalam apa jua keadaan.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,**

65. Cabaran pada masa kini dan mendatang amat memerlukan kepada satu gaya hidup yang sihat. Kepentingan amalan gaya hidup sihat ini dibuktikan kini dengan **amalan norma baharu** iaitu **mengelakkan 3S.**
66. 3S yang dimaksudkan adalah kawasan yang **sesak (Crowded places)**, kawasan yang **sempit (Confined spaces)** dan elak **sembang dengan jarak yang dekat (Close conversations).**
67. Kita juga digalakkan untuk **mengamalkan 3W** iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (**Wash**), memakai alat pelitup hidung dan mulut (face mask) di tempat awam dan jika bergejala (**Wear**) dan mengambil berat akan amaran dari KKM yang bersifat peringatan (**Warn**).

68. Amalan ini perlu diteruskan walaupun ketika penularan wabak ini berakhir satu masa nanti. Selain itu, gaya hidup sihat juga merangkumi diet yang seimbang dan pengambilan makanan yang berkhasiat.
69. Berikutan kadar jumlah pesakit yang didiagnos dengan NCDs seperti diabetis dan sakit jantung semakin meningkat, pemakanan yang sihat dan seimbang haruslah diamalkan pada setiap masa terutama oleh warga KKM. “*Leading by example*”.
70. Justeru, selaku kementerian yang berperanan sebagai peneraju perkhidmatan kesihatan negara, warga KKM diseru untuk menjadi role model bagi gaya hidup sihat kepada rakyat di luar sana.
71. Saya amat berharap warga KKM dapat bersama-sama membantu saya menjayakan agenda nasional Malaysia Sihat. Agenda nasional ini tidak akan berjaya tanpa komitmen daripada semua pihak.

72. Sehubungan itu, pada penggal kedua tahun 2020, saya menyeru supaya KKM mengorak langkah untuk terus maju (way forward) dalam **mempertingkatkan dan memartabatkan penyampaian perkhidmatan kesihatan** dengan penglibatan yang lebih serius walaupun menghadapi kekangan perbelanjaan dalam menyediakan prasarana terbaik kepada rakyat.
73. **Hala tuju yang telah dirancang** perlu digerakkan serta digembeleng secara progresif dalam mengupayakan kredibiliti dan prestasi KKM secara inklusif ke arah yang lebih cemerlang supaya aspirasi **“Sihat Sepanjang Hayat”** dapat direalisasikan.

**Sekian, terima kasih.**